



MAJLIS AMANAH RAKYAT

**GARIS PANDUAN
KEMASUKAN PELAJAR
KOLEJ PROFESIONAL MARA
BAGI SESI 3 2021/2022 PENGAMBILAN
NOVEMBER**

KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.0 Tujuan	3
2.0 Latar Belakang	3
3.0 Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	4
4.0 Pengurusan Vaksinasi Pelajar	6
5.0 Pengurusan Ujian Kendiri COVID-19	7
6.0 Kawalan Pergerakan	8
7.0 Pengurusan Kesihatan	10
8.0 Penutupan Kolej Profesional MARA (KPM) Bagi Kes Positif Covid-19	12
9.0 Penutup	12
Lampiran A: Kalendar Akademik Sesi 3 2021/2022	14
Lampiran B: Maklumat Kemasukan Pelajar	15
Lampiran C: Borang Deklarasi Kesihatan	16
Lampiran D: Borang Kebenaran Ibu/Bapa/Penjaga Pelaksanaan	
Ujian Saringan Kendiri COVID-19	17

1.0 TUJUAN

- 1.1 Garis Panduan ini adalah bertujuan untuk memaklumkan mengenai kemasukan pelajar ke Kolej Profesional MARA (KPM) bagi Sesi 3 2021/2022 Pengambilan November.
- 1.2 Garis panduan ini disediakan bagi memastikan penjagaan kesihatan dan keselamatan adalah berdasarkan prinsip:
 - a. menekankan amalan 3W iaitu mencuci tangan dengan air dan sabun atau pensanitasi tangan (wash), memakai pelitup muka (wear) dan amaran daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berkonseptan peringatan (warn) termasuk penjarakan fizikal serta tidak bersalaman; dan
 - b. mengelakkan 3C iaitu menjauhi kawasan sesak (crowded place), mengelak kawasan sempit (confined space) dan mengelak bercakap/bersempang dengan jarak yang dekat (close conversation).
- 1.3 Garis panduan ini disediakan dengan mengambil kira Pelan Pemulihan Negara (PPN) sebagai langkah persediaan untuk pembukaan KPM secara bersemuka. Aspek penting yang diberi perhatian adalah keselamatan dan kesihatan warga KPM serta persekitaran kolej yang selamat.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Garis panduan ini dikeluarkan lanjutan daripada pengumuman Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi pada 14 September 2021 mengenai kemasukan pelajar ke kampus Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pada Sesi I 2021/2022 bermula pada 15 Oktober 2021.
- 2.2 Bagi memastikan pelaksanaan sesi pengajian berjalan dengan baik dan lancar, KPM akan melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) melalui kaedah yang dinyatakan di perkara (3.2) mengikut kesesuaian.

3.0 PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)

- 3.1 Bagi Sesi 3 2021/2022 pengambilan November, PdP bagi pelajar KPM akan bermula pada 14 November 2021 seperti yang telah ditetapkan di dalam Kalendar Akademik [Rujukan memo Bahagian Pendidikan Tinggi (BPT): MARA.100-4/1/7(37) bertarikh 18 Jun 2021]. Sila rujuk pada **Lampiran A**.
- 3.2 Pelaksanaan PdP di KPM adalah melalui kaedah berikut mengikut kesesuaian:
 - a. bersemuka; atau
 - b. dalam talian; atau
 - c. hibrid/gabungan (*blended*)
- 3.3 Hanya pelajar KPM yang telah menerima vaksin COVID-19 sekurang-kurangnya 1 dos dibenarkan kembali ke kolej secara berperingkat seperti dinyatakan dalam jadual di **Lampiran B**. Pelajar yang masih belum menerima vaksin, boleh mendapatkan vaksin secara *walk in* di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang terdekat dengan kadar segera.
- 3.4 Pelaksanaan penyelidikan/amali mengikut kesesuaian dengan mengambil kira pematuhan kepada garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan MARA.
- 3.5 Kaedah pelaksanaan dan pengendalian pentaksiran dan peperiksaan perlu:
 - a. mengambil kira penjarakan fizikal, keselamatan dan kebersihan dengan merujuk pada peraturan dan arahan MKN, KKM, KPT dan MARA;
 - b. mengikut peraturan yang dinyatakan di perkara 4.2 (Peperiksaan/Penilaian Akhir) dan di perkara 4.3 (Kehadiran) di dalam *Diploma Programmes Kolej Profesional MARA Academic Regulations 12th Edition (2021)*.
- 3.6 Latihan Industri bagi pelajar KPM dilaksanakan seperti berikut:
 - a. pelajar wajib mengikuti latihan industri di syarikat atau industri sepanjang tempoh latihan tersebut;

- b. mod pelaksanaan latihan industri adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan dalam Buku Panduan Pengendalian Latihan Industri Kolej Profesional MARA; namun begitu cara pelaksanaan sama ada fizikal, bekerja dari rumah atau hibrid adalah tertakluk kepada peraturan syarikat/industri; dan
- c. projek berasaskan industri sebagai penilaian alternatif tidak lagi dibenarkan.

3.7 Pelaksanaan Aktiviti Sukan, Kokurikulum dan Aktiviti Pelajar adalah seperti berikut:

- a. Pelaksanaan aktiviti sukan, kokurikulum dan aktiviti pelajar adalah mengikut arahan MKN serta tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) Am Sektor Sukan dan Rekreasi yang dikeluarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang sedang berkuat kuasa mengikut Fasa PPN.
- b. Panduan pelaksanaan aktiviti sukan, kokurikulum dan aktiviti pelajar ini juga merangkumi aktiviti sukan bagi tujuan PdP.
- c. Penganjuran aktiviti/pertandingan/kejohanan hanya dilaksanakan di dalam kawasan kolej berdasarkan SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengambil kira penjarakan fizikal, kebersihan dan keselamatan sehingga pemakluman terkini oleh MKN, KKM, KPT dan MARA.
- d. Pelaksanaan aktiviti sukan, kokurikulum dan aktiviti pelajar dengan pelibatan agensi luar adalah berdasarkan ketetapan MARA dari semasa ke semasa.

4.0 PENGURUSAN VAKSINASI PELAJAR

Sejajar dengan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dan Pelan Pemulihan Negara (PPN), pengurusan MARA amnya dan BPT khususnya sentiasa berusaha untuk memastikan seluruh warga KPM mengambil vaksin bagi mewujudkan kelompok komuniti KPM yang selamat dan sihat.

- 4.1 Hanya pelajar KPM yang telah menerima vaksin COVID-19 sekurang-kurangnya 1 dos dibenarkan kembali ke kolej secara berperingkat seperti dinyatakan dalam jadual di **Lampiran B**. Pelajar yang masih belum menerima vaksin, boleh mendapatkan vaksin secara walk in di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang terdekat dengan kadar segera.
- 4.2 Hanya pelajar yang telah menerima vaksin, sihat dan tidak bergejala sahaja dibenarkan kembali ke kolej/asrama dengan syarat mereka dan ahli keluarga yang tinggal serumah tidak dalam tempoh menjalani kuarantin/bukan kontak rapat kes positif COVID-19.
- 4.3 Pelajar wajib menggunakan aplikasi MySejahtera untuk tujuan pemantauan COVID-19.
- 4.4 Pelajar perlu mengisi dan mengemukakan Borang Deklarasi Kesihatan yang disediakan seperti di **Lampiran C** sebelum kembali ke kolej/asrama.

5.0 PENGURUSAN UJIAN KENDIRI COVID-19

Pengurusan Ujian Kendiri COVID-19 ini bertujuan untuk memastikan pelaksanaan Ujian Kendiri COVID-19 menggunakan Kit Ujian Kendiri COVID-19 dapat dikendalikan dengan baik dan selamat. Ini adalah selaras dengan Garis Panduan Pengurusan Penggunaan Kit Ujian Kendiri COVID-19 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) No. rujukan KKM.600-29/4/146 Jld. (75) bertarikh 22 Julai 2021.

- 5.1 Kit Ujian Kendiri COVID-19 yang boleh digunakan adalah yang telah mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA).
- 5.2 Pelaksanaan Ujian Kendiri COVID-19 perlu mematuhi tatacara Garis Panduan Pengurusan Kit Ujian Kendiri COVID-19 yang dikeluarkan oleh KKM.
- 5.3 Pihak kolej perlu menyediakan Kit Ujian Kendiri COVID-19 untuk:
 - a. melaksanakan Ujian Kendiri COVID-19 ke atas pelajar semasa hadir lapor diri di asrama/kolej di mana pelajar perlu mengisi dan mengemukakan Borang Kebenaran Ibu/Bapa/Penjaga Pelaksanaan Ujian Saringan Kendiri COVID-19 seperti di **Lampiran D** kepada pihak kolej.
 - b. kegunaan pelajar yang bergejala atau menjadi kontak rapat kepada pesakit COVID-19 semasa berada di asrama/kolej.
- 5.4 Pelajar juga dibenarkan untuk melaksanakan Kit Ujian Kendiri COVID-19 sehari sebelum kembali ke asrama/kolej atau melaksanakan ujian calitan di fasiliti kesihatan.
- 5.5 Pelajar perlu melaporkan keputusan Ujian Kendiri COVID-19 yang dilaksanakan di perkara (5.3) atau (5.4) kepada pihak kolej. Pelajar juga digalakkan untuk mengemaskini maklumat keputusan Kit Ujian Kendiri COVID-19 di dalam aplikasi MySejahtera.

6.0 KAWALAN PERGERAKAN

- 6.1 Pelajar perlu kembali semula ke kolej/asrama pada tarikh yang telah ditetapkan seperti di nyatakan di **Lampiran B**.
- 6.2 Rentas negeri dibenarkan bagi pelajar yang telah menerima sekurang-kurangnya 1 dos vaksin dan waris yang telah lengkap menerima vaksin dengan mengemukakan Kad/ Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 dan kad pengenalan/pasport sebagai pembuktian.
- 6.3 Kebenaran pergerakan rentas negeri ini tidak dibenarkan di kawasan atau lokaliti yang diisyiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).
- 6.4 Sebarang pergerakan mana-mana pelajar dan waris dari kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), Person Under investigation (PUI), Person Under Surveillance (PUS) dan sedang dalam Perintah Kuarantin adalah tidak dibenarkan.
- 6.5 Pelajar yang terlibat dibenarkan merentasi negeri untuk kembali ke asrama/kolej dengan menggunakan surat pengesahan daripada kolej.
- 6.6 Bagi waris yang telah lengkap divaksin dibenarkan menghantar anak/anak jagaan kembali ke asrama/kolej dengan menggunakan surat pengesahan daripada kolej berdasarkan jumlah kapasiti kenderaan.
- 6.7 Kolej perlu menyediakan jadual pergerakan pelajar kembali ke asrama/kolej.
- 6.8 Kolej perlu menetapkan lokasi bagi menurunkan pelajar di asrama/kolej. Waris boleh menghantar anak/anak jagaan di lokasi yang telah ditetapkan secara pandu lalu.
- 6.9 Kolej perlu menetapkan satu lokasi menurunkan (*drop point*) yang bersesuaian dan tidak berlaku kesesakan. Lokasi *drop point* tidak semestinya berdekatan dengan kawasan asrama pelajar. Kolej perlu menetapkan jumlah kenderaan yang dibenarkan berada dalam kawasan kolej pada satu-satu masa bergantung kepada kesesuaian lokasi *drop point* tersebut.

- 6.10 Kolej perlu memastikan waris mematuhi masa menghantar pelajar supaya tidak berlaku kesesakan di dalam dan di luar kawasan kolej (tidak dibenarkan beratur/ berkumpul di luar pagar bagi waris yang belum sampai giliran).
- 6.11 Waris tidak dibenarkan turun di dalam kawasan kolej.
- 6.12 Kenderaan kolej atau sewa khas disediakan sekiranya terdapat pelajar yang perlu merentas negeri / zon (Sabah dan Sarawak).
- 6.13 Pergerakan pelajar dengan menggunakan pengangkutan awam bagi semua jenis kenderaan dibenarkan berdasarkan jumlah kapasiti kenderaan.

7.0 PENGURUSAN KESIHATAN

- 7.1 Hanya pelajar yang telah menerima sekurang-kurangnya 1 dos vaksin, sihat dan tidak bergejala sahaja dibenarkan kembali ke kolej/asrama dengan syarat mereka dan ahli keluarga yang tinggal serumah tidak dalam tempoh menjalani kuarantin/bukan kontak rapat kes positif COVID-19.
- 7.2 Pihak kolej perlu menyediakan Kit Ujian Kendiri COVID-19 untuk melaksanakan Ujian Kendiri COVID-19 ke atas pelajar semasa hadir lapor diri di asrama/kolej; atau pelajar dibenarkan untuk melaksanakan Kit Ujian Kendiri COVID-19 sehari sebelum kembali ke asrama/kolej atau melaksanakan ujian calitan di fasiliti kesihatan. Pelajar juga dikehendaki memaklumkan keputusan Ujian Kendiri COVID-19 kepada pihak kolej.
- 7.3 Semua pelajar adalah diwajibkan menjalani 7 hari kuarantin di asrama atau rumah sewa masing-masing.
- 7.4 Semua pelajar wajib menggunakan aplikasi MySejahtera untuk tujuan pemantauan COVID-19 dan mengemaskini maklumat dari semasa ke semasa.
- 7.5 Semua pelajar perlu mengisi dan mengemukakan Borang Deklarasi Kesihatan seperti di **Lampiran C** semasa kembali ke kolej/asrama.
- 7.6 Sekiranya pihak kolej mendapat maklumat terdapat pelajar yang bergejala/kontak rapat kepada pesakit, pihak kolej hendaklah mengambil tindakan segera seperti berikut:
 - a. mengasingkan pelajar yang bergejala/kontak rapat di bilik isolasi;
 - b. menghubungi dan mendapatkan nasihat PKD untuk tindakan selanjutnya;
 - c. memastikan pelajar sentiasa memakai pelitup muka;
 - d. melaksana Ujian Kendiri COVID-19 atas nasihat PKD;
 - e. mengurus makanan dan minuman pelajar mengikut SOP yang ditetapkan oleh KKM;
 - f. memastikan pensyarah/individu yang mengurus pelajar memakai pelitup muka serta digalakkan memakai pelindung muka, sarung tangan dan menjaga penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu (1) meter daripada pelajar dan kerap

- mencuci tangan dengan air dan sabun atau pensanitasi tangan; dan
- g. memaklumkan kepada ahli keluarga keadaan pelajar tersebut.
- 7.7 Tindakan segera diambil sekiranya pihak kolej mendapat maklumat terdapat pelajar yang disahkan positif COVID-19 semasa berada di kolej seperti berikut:
- a. memaklumkan kepada PKD yang berhampiran untuk mendapatkan nasihat dan arahan selanjutnya;
 - b. memastikan pesakit sentiasa memakai pelitup muka;
 - c. mengasingkan pesakit di bilik isolasi atau bilik berasingan, sebaik-baiknya bilik yang berkembar atau berhampiran dengan bilik air dan dilengkapi dengan kemudahan mencuci tangan serta pengudaraan yang baik (membuka semua tingkap);
 - d. mengurus makanan dan minuman murid mengikut SOP yang ditetapkan oleh KKM;
 - e. memastikan pensyarah/individu yang mengurus pesakit memakai pelitup muka serta digalakkan memakai pelindung muka, sarung tangan, menjaga penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu (1) meter daripada pesakit dan kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau pensanitasi tangan;
 - f. memantau dan mengawal pergerakan pesakit;
 - g. memberi kerjasama kepada PKD untuk menjalankan siasatan dan mengenal pasti kontak rapat kepada pesakit;
 - h. pihak pengurusan perlu memaklumkan kepada pesakit untuk sentiasa memantau status kesihatan diri dalam aplikasi MySejahtera; dan
 - i. sekiranya pihak kolej mendapati keadaan pesakit bertambah teruk, segera hubungi PKD berhampiran atau talian 999 untuk bantuan kecemasan.

8.0 PENUTUPAN KOLEJ PROFESIONAL MARA BAGI KES POSITIF COVID-19

- 8.1 Kolej yang disahkan mempunyai kes positif COVID-19 perlu memaklumkan dengan segera kepada PKD.
- 8.2 Kolej akan membantu PKD melaksanakan penilaian risiko dan pengesanan kontak rapat.
- 8.3 Kolej menerima nasihat dan arahan PKD berhubung penutupan.
- 8.4 Kolej hendaklah ditutup bagi tempoh yang ditetapkan untuk membolehkan kerja-kerja pembersihan disinfeksi fasiliti premis kolej.

9.0 PENUTUP

Pelaksanaan Garis Panduan Kemasukan Pelajar Kolej Profesional MARA (KPM) Sesi 3 2021/2022 Pengambilan November diharap dapat membantu pengurusan kolej beroperasi dengan lancar. Semua kolej hendaklah patuh kepada peraturan yang ditetapkan dalam garis panduan ini. BPT akan memantau pelaksanaan pengurusan kolej bagi memastikan pematuhan kepada garis panduan ini.

LAMPIRAN

KALENDAR AKADEMIK SESI 3 2021/2022

**KUMPULAN A
KPM AYER MOLEK, KPM BANDAR MELAKA,
KPM INDERA MAHKOTA, KPM BERANANG,
KPM SERI ISKANDAR**

SESI AKADEMIK 3 2021/ 2022		
Tarikh	Tempoh (Minggu)	Aktiviti / Program
11 Nov 2021	1 hari	Pendaftaran Pelajar Baharu
12 & 13 Nov 2021	1 hari	Pendaftaran Pelajar Kanan
15 Nov - 26 Dis 2021	6	Kuliah
27 Dis 2021 - 2 Jan 2022	1	Minggu Aktiviti
3 Jan - 12 Feb 2022	6	Kuliah
14 - 27 Feb 2022	2	Ulangkaji / Peperiksaan Akhir
28 Feb - 11 Mac 2022	2	Cuti Semester

KALENDAR AKADEMIK SESI 3 2021/2022

**KUMPULAN B
KPM BANDAR PENAWAR**

SESI AKADEMIK 3 2021/ 2022		
Tarikh	Tempoh (Minggu)	Aktiviti / Program
11 Nov 2021	1 hari	Pendaftaran Pelajar Baharu
12 & 13 Nov 2021	1 hari	Pendaftaran Pelajar Kanan
14 Nov - 25 Dis 2021	6	Kuliah
26 Dis 2021 - 1 Jan 2022	1	Minggu Aktiviti
2 Jan 2 - 11 Feb 2022	6	Kuliah
13 - 26 Feb 2022	2	Ulangkaji / Peperiksaan Akhir
27 Feb - 10 Mac 2022	2	Cuti Semester

Lampiran B

**MAKLUMAT KEMASUKAN PELAJAR
KOLEJ PROFESIONAL MARA
SESI 3 2021/2022 PENGAMBILAN NOVEMBER**

KOLEJ PROFESIONAL MARA (KPM)	TARIKH LAPOR DIRI	
	PELAJAR BAHARU (SEMESTER 1)	PELAJAR KANAN (SEMESTER 2 DAN KE ATAS)
Ayer Molek	11 November 2021	Pelajar Lelaki:13 November 2021 Pelajar Perempuan:12 November 2021
Bandar Melaka	11 November 2021	Pelajar Lelaki:13 November 2021 Pelajar Perempuan:12 November 2021
Bandar Penawar	11 November 2021	Pelajar Lelaki:13 November 2021 Pelajar Perempuan:12 November 2021
Beaufort, Sabah	30 Oktober 2021	-
Beranang	11 November 2021	Pelajar Lelaki:13 November 2021 Pelajar Perempuan:12 November 2021
Indera Mahkota	11 November 2021	Pelajar menduduki peperiksaan MUET di kolej: 09 November 2021 Pelajar Lelaki:13 November 2021 Pelajar Perempuan:12 November 2021 Pelajar menduduki peperiksaan MUET di selain di kolej: 20 November 2021
Seri Iskandar	11 November 2021	Pelajar Lelaki:13 November 2021 Pelajar Perempuan:12 November 2021



BORANG DEKLARASI KESIHATAN

Nama Penuh Pelajar:

KPM:

No Kad Pengenalan:

Nama Ibu bapa/Penjaga:

No Tel Pelajar:

1. Adakah anda mengalami gejala-gejala berikut:

Demam (Suhu badan:)	Ya	Tidak
Batuk	Ya	Tidak
Selesema	Ya	Tidak
Sakit Tekak	Ya	Tidak
Sesak Nafas	Ya	Tidak
Sakit Dada	Ya	Tidak
Menggigil	Ya	Tidak
Hilang Deria Rasa	Ya	Tidak
Lain lain:		

2. Adakah anda pernah disahkan positif COVID-19? Ya Tidak

3. Adakah anda mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19? Ya Tidak

4. Adakah anda mempunyai kontak rapat kepada individu yang sedang menjalani kuarantin di rumah? Ya Tidak

5. Adakah anda sedang menjalani Perintah Kawalan Kuarantin di rumah seperti yang diarahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia? Ya Tidak

6. Adakah anda mempunyai ahli keluarga yang tinggal serumah dengan *Patient Under Investigation (PUI)* atau *Person Under Surveillance (PUS)*? Ya Tidak

7. Adakah anda melancang ke kawasan yang berisiko dalam tempoh 14 hari? Ya Tidak

Jika YA, nyatakan tempat dilawati:
Tarikh:

8. Adakah anda pernah menghadiri majlis/perjumpaan yang dikaitkan dengan kes positif COVID-19? Ya Tidak

Dengan ini saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar.

Tandatangan:

Tarikh:

Nota: Borang ini hendaklah diserahkan kepada pihak kolej semasa hadir lapor diri di kolej/asrama



**BORANG KEBENARAN IBU/BAPA/PENJAGA PELAKSANAAN
UJIAN SARINGAN KENDIRI COVID-19**

Saya _____ *ibu/bapa/penjaga
kepada _____

No Kad Pengenalan _____ dari KPM _____

***BERSETUJU/TIDAK BERSETUJU**

untuk membenarkan pihak kolej melaksanakan Ujian Saringan Kendiri COVID-19 kepada anak/anak jagaan saya berdasarkan keperluan dan ketetapan MARA.

Tandatangan *Ibu/Bapa/Penjaga:

No. Kad Pengenalan : _____
Tarikh : _____

Sekiranya tidak bersetuju untuk melaksanakan Ujian Saringan Kendiri COVID-19, sila nyatakan sebab:

*Potong mana-mana yang tidak berkaitan.